

**SKIM PERKHIDMATAN BAGI
JAWATAN KONSTABEL POLIS ORANG ASLI GRED YP1**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MEMOHON

KONSTABEL POLIS ORANG ASLI GRED YP1 (LELAKI/WANITA)

1. Skim Perkhidmatan bagi jawatan Konstabel Polis Orang Asli Gred YP1 yang dikeluarkan melalui:
 - i) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016 bertarikh 7 April 2016 yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2016.
2. Syarat-syarat permohonan :-
 - a). Terdiri dari Warganegara Malaysia yang berasal dari kaum Orang Asli (mengikut tafsiran Akta Orang-orang Asli 1974);
 - b). **Berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak lebih daripada 28 tahun pada tarikh tutup iklan;**
 - c). Kelayakan Akademik:
 - i). Lulus Penilaian Menengah Rendah /Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. [Gaji permulaan ialah pada Gred YP1: RM1,334.00]; dan
 - ii). **Kepujian dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.**
 - d). Kelayakan Fizikal:

Pemohon-pemohon hendaklah mempunyai ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:-

 - i). Tinggi sekurang-kurangnya **163 sm** (lelaki) dan **157 sm** (wanita) tanpa bersepatu;
 - ii). Berat badan sekurang-kurangnya **50 kg** (lelaki) dan wanita sekurang-kurangnya **48 kg**;
 - iii). Mempunyai ukuran **Indeks Jisim Badan (BMI)** di antara julat **19 hingga 26**;
 - iv). Ukuran lilitan dada biasa **81 sm** (normal) dan semasa menarik nafas **86 sm (lelaki sahaja)**;

- v). Lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan **V/6/9** tanpa menggunakan alat bantuan;
- vi). Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar (kerajaan).

Jadual Gaji

Gaji Minimum

Gaji Maksimum

Gred YP1 : RM 1,334.00 - RM 3,003.00

Kadar Gaji Tahunan : RM 85.00

